

Orkid laris sempena Pesta Konvo UPM

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Kira-kira 500 spesies pokok orkid habis dijual dalam tempoh sehari dalam pameran dan jualan orkid yang berlangsung di Bukit Ekspo, dekat sini sempena Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM), hari ini.

Peniaga orkid, Siti Fatimah Md. Isa, 28, berkata, sambutan yang diterima sangat menggalakkan berikutan tanaman orkid mempunyai penggemar atau peminatnya tersendiri dan harga yang ditawarkan semasa pesta konvo ini juga sangat berpatutan.

“Orkid di sini boleh didapati

dengan harga serendah RM50 bagi dua pokok orkid mengikut promosi yang dilakukan dan baka *phalaenopsis butterfly flower* paling digemari oleh pembeli.

“Sampel tisu daripada pokok induk diambil sebelum tanaman orkid tersebut dibiak secara tisu kultur di Sungai Buloh sebelum dikomersialkan kepada pengguna,” katanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pameran dan jualan orkid itu juga mendapati orang ramai berpusu-pusu mendapatkan orkid yang digemari bagi menambah koleksi sedia ada.